




TATACARA BAGI PELAPORAN KEROSAKAN ALAT BANTUAN PELAYARAN

Bahagian	1. Pengurusan Trafik dan Bantuan Pelayaran 2. Keselamatan Pelayaran dan Komunikasi Maritim
Tarikh	1 November 2021
Nombor Pindaan	00/2021


JABATAN LAUT MALAYSIA

2021

	Jabatan Laut Malaysia	Nombor Pindaan: 00
	Tatacara Pelaporan Kerosakan Alat Bantuan Pelayaran	Tarikh : 01/11/2021


ISI KANDUNGAN

KLAUSA	PERKARA	MUKASURAT
	Abbreviation	3
1.0	Am	4
2.0	Objektif	4
3.0	Proses Aduan	5
4.0	Carta Alir	6
5.0	Penerangan Carta Alir	7
6.0	Rujukan	8
Lampiran 1	Borang Aduan	9
Lampiran 2	Contoh Borang Aduan	10

	Jabatan Laut Malaysia	Nombor Pindaan: 00
	Tatacara Pelaporan Kerosakan Alat Bantuan Pelayaran	Tarikh : 01/11/2021

Abbreviation

AtoN	<i>Aids to Navigation (Alat Bantuan Pelayaran)</i>
BKPKM	Bahagian Keselamatan Pelayaran dan Komunikasi Maritim
BPTBP	Bahagian Pengurusan Trafik dan Bantuan Pelayaran
IPL	Ibu Pejabat Laut
JLM	Jabatan Laut Malaysia
NAVTEX	<i>Navigational Telex</i>
NTM	<i>Notice to Mariner</i>
RMS	<i>Remote Monitoring System</i>
WGS 84	World Geodetic System 1984

	Jabatan Laut Malaysia	Nombor Pindaan: 00
	Tatacara Pelaporan Kerosakan Alat Bantuan Pelayaran	Tarikh : 01/11/2021


1. AM

Pengoperasian alat bantuan pelayaran di perairan Malaysia amatlah penting bagi membantu dari aspek navigasi kapal agar belayar dalam keadaan yang selamat. Pemantauan alat bantuan pelayaran agar sentiasa beroperasi pada setiap masa amatlah kritikal dan apa jua kerosakan terhadap alat bantuan pelayaran hendaklah dilaporkan dengan segera kepada Jabatan Laut Malaysia bagi tindakan lanjut pembaikan serta pengeluaran *Notice to Mariner* (NTM) berkaitan dan siaran NAVTEX..

Tatacara ini diwujudkan bagi memaklumkan kepada pihak industri maritim berkenaan proses yang berkaitan bagi pelaporan kerosakan alat bantuan pelayaran dan tindakan susulan yang perlu dilaksanakan Jabatan Laut Malaysia bagi menjamin keselamatan pelayaran di kawasan yang menjadi tanggungjawab Malaysia. Sebarang pertanyaan lanjut boleh dimajukan kepada Bahagian Pengurusan Trafik dan Bantuan Pelayaran (BPTBP) Ibu Pejabat Laut (IPL) Jabatan Laut Malaysia (JLM) melalui bptbp@marine.gov.my atau di talian telefon 03-33467 7620 / 7766.

2. OBJEKTIF

- 2.1. Memastikan pihak industri maritim memahami proses pelaporan kerosakan alat bantuan pelayaran di seluruh Malaysia termasuk Semenanjung Malaysia, Wilayah Persekutuan (W.P) Labuan, Sabah dan Sarawak.
- 2.2. Memastikan laporan kerosakan berhubung status pengoperasian alat bantuan pelayaran di perairan Malaysia dapat diambil tindakan pembaikan atau tindakan kontigensi dalam jangka waktu segera.
- 2.3. Memastikan ketersediaan alat bantuan pelayaran di perairan Malaysia mencapai tahap peratusan mengikut Piagam Pelanggan Jabatan.


	Jabatan Laut Malaysia	Nombor Pindaan: 00
	Tatacara Pelaporan Kerosakan Alat Bantuan Pelayaran	Tarikh : 01/11/2021

3. PROSES ADUAN

Pelaporan berkenaan kerosakan alat bantuan pelayaran ini adalah merangkumi rumah api, tanda arah suar dan pelampung pandu di perairan Malaysia. Aduan berkenaan kerosakan yang berkaitan alat bantuan pelayaran ini boleh dikemukakan sama ada secara lisan atau secara bertulis kepada pihak Jabatan Laut Malaysia bagi tujuan tindakan lanjut pembaikan atau apa jua tindakan susulan bagi memastikan keselamatan pelayaran di perairan Malaysia terpelihara.


Mana-mana orang awam, swasta atau agensi kerajaan boleh mengemukakan aduan kepada Jabatan Laut Malaysia. Setiap laporan atau aduan yang diterima daripada pengadu akan direkod dan disemak bagi memastikan kesahihan laporan berdasarkan sistem pemantauan alat bantuan pelayaran atau melalui pengesahan kerosakan secara fizikal di lokasi oleh aset darat dan laut milik Jabatan Laut Malaysia. Bagi setiap laporan kerosakan yang diterima, tindakan baikpulih akan dilaksanakan dengan kadar segera agar ianya tidak menjejaskan aspek navigasi kapal di perairan Malaysia. Jabatan Laut Malaysia akan sentiasa memastikan bahawa setiap aduan atau laporan kerosakan alat bantuan pelayaran yang diterima akan diambil tindakan sewajarnya.


*Sila Rujuk Carta Alir Proses Pelaporan Kerosakan Alat Bantuan Pelayaran bagi maklumat lanjut.

	Jabatan Laut Malaysia	Nombor Pindaan: 00
	Tatacara Pelaporan Kerosakan Alat Bantuan Pelayaran	Tarikh : 01/11/2021

4. CARTA ALIR


Proses Pelaporan Kerosakan Alat Bantuan Pelayaran



	Jabatan Laut Malaysia	Nombor Pindaan: 00
	Tatacara Pelaporan Kerosakan Alat Bantuan Pelayaran	Tarikh : 01/11/2021

5. PENERANGAN CARTA ALIR


TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN	TEMPOH BEKERJA
PENGADU	<p>4.1 Aduan atau laporan boleh dibuat secara lisan secara atas talian atau secara bertulis melalui borang atau e-mel.</p> <p>4.1.1 Aduan komunikasi secara atas talian atau melalui e-mel bagi Semenanjung dan W.P Labuan. E-mel: bptbp-abp@marine.gov.my Telefon: 03-31670530 (24 jam) Faks : 03-3167 1334</p> <p>4.1.2 Aduan secara atas talian atau melalui e-mel bagi Sabah: E-mel : trafiksabah@marine.gov.my Tel : 088-401111 (Isnin – Jumaat, 8 pagi – 5 petang) Faks : 088-401180</p> <p>4.1.3 Aduan secara atas talian dan melalui e-mel bagi Sarawak: E-mel : puskomswk@marine.gov.my Tel : 082-484159 (Isnin – Jumaat, 8 pagi – 5 petang) Faks : 082-339422</p>	Laporan dengan kadar segera
JLM	<p>4.2 Penerimaan Aduan atau Laporan</p> <p>4.2.1 Teliti aduan yang diterima dan rekod pada borang aduan kerosakan.</p> <p>4.2.2 Pastikan kesahihan aduan secara semakan melalui sistem RMS AtoN atau secara fizikal di lokasi.</p>	1 hari

	Jabatan Laut Malaysia	Nombor Pindaan: 00
	Tatacara Pelaporan Kerosakan Alat Bantuan Pelayaran	Tarikh : 01/11/2021

JLM	4.3 Tindakan Pembaikan 4.3.1 Penyelarasan tindakan pembaikan sepertimana prosedur pembaikan ditetapkan.	1 hari
-----	--	--------

6. RUJUKAN


- 6.1 Ordinan Perkapalan Saudagar 1952
- 6.2 Ordinan Perkapalan Saudagar 1960 (Sabah)
- 6.3 Ordinan Perkapalan Saudagar 1960 (Sarawak)
- 6.4 Senarai Penempatan Alat Bantuan Pelayaran (Malaysia List of Lights)
- 6.5 Admiralty List of Lights and Fog Signal (NP 79) Vol F

	Jabatan Laut Malaysia	Nombor Pindaan: 00
	Tatacara Pelaporan Kerosakan Alat Bantuan Pelayaran	Tarikh : 01/11/2021



BORANG ADUAN KEROSAKAN ALAT BANTUAN PELAYARAN

A.	ADUAN KEPADA (TANDA ✓)	
	<p>1. Semenanjung dan W.P Labuan. <input type="checkbox"/> E-mel: bptbp-abp@marine.gov.my Telefon: 03-31670530 (24 jam) / Faks : 03-3167 1334</p>	
	<p>2. Sabah <input type="checkbox"/> E-mel : trafiksabah@marine.gov.my Tel : 088-401111 (Isnin-Jumaat, 8 pagi-5 petang) / Faks : 088-401180</p>	
	<p>3. Sarawak <input type="checkbox"/> E-mel : puskomswk@marine.gov.my Tel : 082-484159 (Isnin-Jumaat, 8 pagi-5 petang) / Faks : 082-339422</p>	
B.	SUMBER ADUAN	
	Nama Pengadu : _____ No. Telefon : _____ Agensi / Awam : _____	
C.	BUTIRAN ADUAN	
	Jenis Alat Bantuan: Rumah Api <input type="checkbox"/> Tanda Arah Suar <input type="checkbox"/> Pelampung Pandu <input type="checkbox"/>	
	Nama Penempatan : _____	
	Lokasi WGS84 (Lat / Long) : _____ / _____	
	Jenis Kerosakan: _____ (Contoh: lampu tidak berfungsi / boya hanyut / struktur runtuh dan lain-lain)	
	Tarikh : _____ <div style="text-align: right;">(tanda tangan & cop rasmi)</div>	

	Jabatan Laut Malaysia	Nombor Pindaan: 00
	Tatacara Pelaporan Kerosakan Alat Bantuan Pelayaran	Tarikh : 01/11/2021



BORANG ADUAN KEROSAKAN ALAT BANTUAN PELAYARAN

A. ADUAN KEPADA (TANDA ✓)		
1. Semenanjung dan W.P Labuan. E-mel: bptbp-abp@marine.gov.my Telefon: 03-31670530 (24 jam) / Faks : 03-3167 1334	<input checked="" type="checkbox"/>	
2. Sabah E-mel : trafiksabah@marine.gov.my Tel : 088-401111 (Isnin-Jumaat, 8 pagi-5 petang) / Faks : 088-401180	<input type="checkbox"/>	
3. Sarawak E-mel : puskomswk@marine.gov.my Tel : 082-484159 (Isnin-Jumaat, 8 pagi-5 petang) / Faks : 082-339422	<input type="checkbox"/>	
B. SUMBER ADUAN		
Nama Pengadu : Ariff Ariza Bin Abd Aziz No. Telefon : 012-345 6789 Agensi / Awam : Nelayan		
C. BUTIRAN ADUAN		
Jenis Alat Bantuan: Rumah Api <input type="checkbox"/> Tanda Arah Suar <input checked="" type="checkbox"/> Pelampung Pandu <input type="checkbox"/>		
Nama Penempatan: <u>TU - Tompok Utara</u>		
Lokasi WGS84 (Lat / Long) : <u>Pantai Timur Johor, Lat / Long lokasi tidak diketahui</u>		
Jenis Kerosakan: <u>Lampu tanda arah suar tidak bernyala, padam sepenuhnya</u> (Contoh: lampu tidak berfungsi / boya hanyut / struktur runtuh dan lain-lain)		
Tarikh : 1.11.2021		<i>Ariff Ariza</i> (tanda tangan & cop rasmi)